

Ruj. Kami : MQA 07/Jld.3 (96)

Tarikh : 21 Januari 2014

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PPTS)

Tuan,

**PEKELILING MQA BIL. 1/2014 – PENGGUNAAN STANDARD KURSUS ASAS
(FOUNDATION)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, Kursus Asas (*Foundation*) ditawarkan sebagai program persediaan bagi kemasukan pelajar ke Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*).
3. Hasil tinjauan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) didapati wujud kepelbagaian kaedah pengendalian Kursus Asas (*Foundation*) yang ditawarkan oleh PPTS khususnya dari segi kelayakan masuk, kredit bergraduasi, tempoh pengajian serta penamaan program.
4. Justeru, MQA telah mengadakan Mesyuarat Meja Bulat Kajian Semula Garis Panduan, Kriteria dan Standard Bagi Kursus Asas (*Foundation*) yang Ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi Swasta (PPTS) di Malaysia pada 23 September 2013. Dapatan dan maklum balas yang diperolehi daripada mesyuarat tersebut turut dijadikan asas untuk penambahbaikan standard ini.
5. Untuk makluman, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 3/2013 bertarikh 5 Oktober 2013 telah bersetuju dengan Standard Kursus Asas (*Foundation*) yang telah dibangunkan ini untuk diguna pakai bagi Kursus Asas (*Foundation*) yang ditawarkan oleh PPTS di Malaysia.


6. Dokumen standard tersebut meliputi ketetapan dan dasar-dasar asas yang berkaitan seperti matlamat penawaran, hasil pembelajaran, reka bentuk kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, kelayakan masuk, kredit bergraduat, jam beban pembelajaran dan tempoh pengajian. Pembangunan dokumen standard adalah bertujuan sebagai garis panduan kepada PPTS dalam menjamin kualiti Kursus Asas (*Foundation*) yang ditawarkan.

7. Sehubungan itu, pelaksanaan dan pematuhan terhadap standard ini akan **berkuatkuasa mulai 01 Jun 2014**. Pemakaian standard tersebut adalah tertakluk ke atas pelajar pengambilan kohort baru bermula dari tarikh kuatkuasa di semua PPTS di Malaysia yang menawarkan Kursus Asas (*Foundation*). Untuk makluman, dokumen standard ini boleh dimuat turun di laman web MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' DR. SYED AHMAD HUSSEIN)

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-7968 7044

No. Faks : 03-7956 9496

Emel : syedahmad@mqa.gov.my

s.k.

1. Menteri Pendidikan Malaysia
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 10, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
2. Menteri Pendidikan Malaysia II
Pejabat Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
4. Ketua Setiausaha II
Pejabat Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Pengarah
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. Ketua Pengarah
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

7. Ketua Pengarah
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Galeria PjH ,Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

8. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 6 & 7, Blok E 15, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

9. Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
SELANGOR DARUL EHSAN

10. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA

11. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan, Damansara Heights
50490 KUALA LUMPUR

12. Fail Standard Program Foundation